

Tubuh cawangan di Labuan saja

Umno kekal di Semenanjung

BM 25 AUG 1985

KUCHING, Sabtu — Umno tidak bercadang menubuhkan cawangannya di Sarawak ataupun Sabah, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata Umno hanya akan menubuhkan cawangan di Labuan kerana ia adalah Wilayah Persekutuan dan langkah itu tidak menjadi persaingan kepada lain-lain parti BN.

Beliau yang juga Presiden Umno, mengulangi tidak ada sebab Umno harus bersaing dengan lain-lain parti komponen Barisan Nasional di dua negeri itu.

“Umno tetap akan bekerjasama dengan semua parti komponen BN di Sarawak dan Sabah. Tetapi

Umno tidak berhasrat bertapak di negeri-negeri ini,” katanya.

Perdana Menteri berkata demikian sebagai mengulas saranan bekas Yang Dipertua Negeri Sarawak, Tun Haji Abdul Rahman Yakub supaya Umno ditubuhkan di Sarawak dan Sabah.

Tambah kekuatan

Tun Haji Abdul Rahman berkata apabila Umno wujud di dua negeri itu, bilangan parti-parti Bumiputera akan berkurangan dan ini dapat menambahkan kekuatan dan perpaduan Bumiputera.

Presiden Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak (PMS), Datuk Haji Wan Yusof Tuanku Haji Bujang, dalam satu laporan akhbar semalam, juga ingin Umno bertapak di Sarawak dan Sabah.

Beliau yakin rakyat Bumiputera Sarawak dan Sabah akan menyambut baik kemunculan Umno dan langkah itu sejajar dengan usaha kerajaan menjayakan perpaduan kaum.